



Formula UniMAP 2013

Penganjuran Terbaik



Formula Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) 2013 dilihat sebagai satu penganjuran yang terbaik dalam usaha memupuk minat golongan belia terhadap sukan permotoran. Perlumbaan yang julung kali dianjurkan UniMAP dengan penglibatan dari pasukan antarabangsa itu berlangsung pada 13 hingga 15 September 2013 di Litar UniMAP Pauh Putra melibatkan penyertaan 25 buah jentera dari 16 pasukan.

Antara pasukan yang mengambil bahagian adalah Karpagam University, India, Institut Kemahiran Mara (IKM) Tan Sri Yahaya Ahmad, Pekan, Pahang, IKM Sungai Petani, Kolej Komuniti (KK) Jempol, Politeknik Seberang Perai, GIATMARA Malaysia, Institut Latihan Perindustrian (ILP) Perai, Politeknik Sultan Muadzam Shah, Politeknik Sultanah Bahiyah, Kulim, Universiti Malaysia Pahang, TATI University College, IKM Beseri, KK Bandar Darul Aman, Kolej Kemahiran Tinggi Mara Masjid Tanah, ILP Kangar, dan Politeknik Sultan Hj. Ahmad Shah.

Pada perlumbaan tersebut menyaksikan tujuh kategori dipertandingkan iaitu, Pemenang Keseluruhan, Pemenang Perlumbaan Akhir, Pemenang Kelayakan Terbaik, Pemenang Pecutan & Brek, Pemenang Maneuver, Pemenang Rekabentuk & Inovasi Terbaik, dan Pemenang Pembentangan Terbaik.

Pasukan dari TATIUC Racing Team mewakili TATI University College berjaya mengungguli dengan pungutan mata sebanyak 452, membawa pulang wang tunai RM 3,000 berserta plak dan sijil. Diikuti UniMAP UniART 2 dengan pungutan mata 418 membawa pulang wang tunai RM 2,000 berserta plak dan sijil dan tempat ketiga disandang oleh pasukan GMG Racing Northern Team dari GIATMARA Malaysia dengan pungutan mata 388 membawa pulang RM 1,000 berserta plak dan sijil.

Selain itu, Pasukan UniMAP UniART 2 turut mengungguli kategori Pemenang Maneuver dan pasukan UniMAP UniART 1 berjaya meraih tempat ketiga bagi kategori Pemenang Perlumbaan Akhir.